

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Friday, February 7, 2020 1:55 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Budaya Dan Nilai Hidup Tentukan Kejayaan Diri



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

7 FEBRUARI 2020 / 13 JAMADILAKHIR 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: Nordiana Shafiee

BUDAYA DAN NILAI HIDUP TENTUKAN KEJAYAAN DIRI



UUM ONLINE: Putrajaya - Memiliki budaya dan nilai hidup yang baik penting dalam menentukan kejayaan dalam kehidupan seseorang.

Perdana Menteri merangkap Pemangku Menteri Pendidikan, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, "Jika kita memiliki nilai hidup yang baik, maka akan lebih mudahlah kita berjaya dalam kehidupan kita.

"Sebaliknya, jika nilai hidup yang kita amal tidak baik, maka akan gagallah kita dalam menangani cabaran-cabaran dalam kehidupan kita," katanya pada Majlis Amanat dan Aspirasi Bersama Warga Kementerian Pendidikan Malaysia di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), semalam.

Pada majlis tersebut, beliau membicarakan tentang dasar dan pendekatan pengurusan sistem Pendidikan atau Pelajaran (P&P) di Malaysia yang mana ia penting dalam membekalkan ilmu dan kecekapan untuk tangani masalah dan cabaran hidup.

Tun Dr. Mahathir berkata, memiliki cukup ilmu pengetahuan dan kecekapan akan membolehkan diri untuk atasi cabaran hidup agar menjadi lebih baik.

Justeru, katanya, amalan budaya dan nilai hidup menjadi faktor yang amat penting dalam kehidupan.

“Nilai hidup yang boleh menjayakan diri ialah kesanggupan berusaha bersungguh-sungguh untuk mengejar kejayaan dalam kehidupan. Kita perlu rajin dan tekun serta tidak mudah kecewa.

“Mereka yang tidak sanggup berusaha keras iaitu tidak rajin dan tekun, maka mereka akan gagal mencapai kejayaan. Mereka tidak akan nikmati kehidupan dan segala balasan baik yang dikejar,” katanya yang turut menekankan agar nilai hidup diajar kepada pelajar dalam sistem pelajaran.

Tun Dr. Mahathir berkata, selain nilai yang mulia, rakyat juga perlu menguasai ilmu sebanyak mungkin.

Menurutnya, hari ini ilmu boleh diperolehi secara teratur di sekolah-sekolah dari peringkat rendah sehingga yang tertinggi dan tuntutan ilmu tidak mungkin berhenti kerana ia adalah usaha seumur hidup.

“Justeru, ingin saya tekankan bahawa kita mempunyai matlamat yang sama iaitu memastikan perkhidmatan pendidikan yang berkualiti dapat disampaikan kepada rakyat.

“Agenda pendidikan yang dirancang memerlukan iltizam, usaha dan kerja keras untuk dilaksanakan demi melahirkan masyarakat yang berilmu, berkemahiran dan beretika.

“Saya harap semua warga KPM dapat memberi komitmen terbaik bagi memenuhi amanah ini dan memastikan rakyat Malaysia dapat menikmati kemakmuran bersama melalui pendidikan,” katanya.

Pada majlis itu juga, beliau menyentuh tentang isu pendidikan dan kemakmuran bersama, pembentukan nilai modal insan, pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan pendidikan digital.

Di samping itu, memperkukuh pendidikan Bahasa Inggeris, pendidikan kewangan, perpaduan Sekolah Wawasan, pemerkasaan Institusi Pendidikan Tinggi, kecemerlangan institusi dan keunggulan global serta dokumen strategik pemantapan IPTS.

Hadir sama, Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah Universiti; Ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti dan Pengarah UUM Corporate Communication serta pegawai kanan universiti.



Please consider the environment before printing this e-mail



Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.